


1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Syarikat **seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (MOF)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA	TARAF	TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL, TARIKH TUTUP SEBUT HARGA, NO. PETI SEBUT HARGA & TARIKH TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA	KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)	BAYARAN DOKUMEN
BPA / SH / 27000/ 05(UPBI) / 2026	MEMBEKAL ALAT GANTI ELEKTRIK BAGI KERJA-KERJA PENYENGGARAAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR	Terbuka	Tarikh Pamer Naskah Meja : <b>25 APRIL 2026</b>  Tarikh Jual Sebut Harga : <b>27 APRIL 2026</b> hingga <b>13 MEI 2026</b>  Tarikh Tutup Sebut Harga : <b>18 MEI 2026</b>  No. Peti Sebut Harga : No.1  Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak :  <b>27 APRIL 2026 - ISNIN</b>  <b>(WAJIB)</b>	Waktu Pejabat :  <b>Isnin - Khamis</b> <b>9.00 pagi hingga 1.00 petang</b> <b>2.00 petang hingga 3.00 petang</b> <b>Jumaat</b> <b>9.00 pagi hingga 12.00 tengahari</b>  Tempat Jual Sebut Harga : <b>Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 1, Blok J2, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur</b>  Tempat Tutup Sebut Harga : <b>Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 1, Blok J2, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur</b>	<b>MOF</b>  <b>140501 (Sistem Elektronik)</b> atau <b>140502 (Komponen dan Aksesori Elektrik/Elektronik)</b> atau <b>140503 (Lampu, Komponen Lampu dan Aksesori)</b> atau <b>140301 (Kabel Eelektrik dan Aksesori)</b> atau <b>140302 (Wayar Elektrik dan Aksesori)</b>	<b>RM30.00</b> senaskah  (Tidak akan dikembalikan)  Pembayaran adalah secara atas talian melalui pautan :  <a href="https://payhub.utm.my">https://payhub.utm.my</a>  

Iklan Sebut Harga juga boleh dilihat dipautan :  
i)<https://eperolehan.utm.my>  
ii)<https://myprocurement.treasury.gov.my>  
iii) Facebook : JTNCPU TMLKL

2. Dokumen Tawaran boleh didapati dengan membuat bayaran secara atas talian melalui **payhub UTM di pautan : <https://payhub.utm.my>** dan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam **Surat Pendaftaran Asal (Sijil Kementerian Kewangan)** sahaja. Kontraktor hendaklah membawa bersama **resit asal pembayaran, Slip Kehadiran Taklimat, Sijil Asal Kementerian Kewangan, Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC)** serta satu set salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut semasa membeli dokumen tawaran.

3. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 1 di Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 1, Blok J2, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

4. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat dan lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **27 APRIL 2026 (Isnin) jam 10.00 pagi** di **Bilik A1-Ikhlis, Aras 1 Blok PA UTM Kuala Lumpur**. Kontraktor boleh terus menghubungi Pegawai bertanggungjawab iaitu **ENCIK ZULKHARANI BIN SALEH** di talian **019-367 3181**. Dokumen tawaran boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama yang dibenarkan. Hanya kontraktor yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja layak membeli dokumen. Penyebut harga diingatkan supaya mengambil maklum mengenai maklumat yang terdapat pada iklan ini sebelum membuat bayaran pembelian dokumen.